

PENULISAN JURNAL

Minggu Praktikum : 8

Tarikh : 30 Ogos 2021 – 3 September 2021

Tajuk Jurnal : Pelaksanaan Kokurikulum Secara Atas Talian Sepanjang PdPR

1.0 ISU YANG DIFOKUSKAN

Pelaksanaan kokurikulum pada praktikum fasa 2 ini sangat berbeza berbanding tahun-tahun sebelum ini. Hal ini kerana, aktiviti kokurikulum dilaksanakan secara atas talian sepanjang PdPR, dimana murid perlu aktiviti kokurikulum di rumah tanpa bersemuka. Kebiasaanya aktiviti kokurikulum lebih seronok apabila murid dapat melakukan aktiviti luar dan lebih mencabar. Namun disebabkan negara masih dalam fasa pandemik, kita perlu mewujudkan norma baru, di mana murid belajar di rumah dan guru mengajar dari rumah. Justeru, perkara ini telah banyak memberi kesan kepada para guru pelatih yang menjalani praktikum kerana kami tidak berpeluang untuk mengasah ilmu mengasah ilmu sedia ada berkaitan kokurikulum serta tidak berpeluang untuk meningkatkan pengalaman, kemahiran serta pengetahuan baru berkaitan kokurikulum.

2.0 ANALISIS ISU

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985 yang menyebut bahawa “Matlamat gerak kerja kokurikulum yang dikehendaki ialah penyertaan oleh setiap orang pelajar yang belajar di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Setiap pelajar hendaklah mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam salah satu gerak kerja pakaian seragam (badan beruniform), satu kegiatan persatuan atau kelab, dan satu kegiatan sukan atau permainan. Seberapa yang boleh, peningkatan penyertaan pelajar-pelajar dalam kegiatan pakaian seragam hendaklah diusahakan”, jelas memperlihatkan kokurikulum adalah sebahagian daripada proses pendidikan yang mesti dilalui oleh pelajar. Walaubagaimanapun, guru sukar menetapkan aktiviti kokurikulum yang sesuai dijalankan kepada pelajar secara dalam talian kerana baru pertama kali dilaksanakan berikutan penguatkuasaan pelaksanaan kokurikulum sekolah-sekolah di negeri Melaka bermula bulan Julai tahun 2021. Terdapat pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksana dan mengendalikan aktiviti kokurikulum di sekolah sepanjang kokurikulum secara PdPR:

- i. Masalah komunikasi yang tidak berkesan sehingga aktiviti kokurikulum tidak dapat dijalankan sebaik mungkin.
- ii. Guru kurang pengalaman dan pengetahuan serta kemahiran dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum secara atas talian.
- iii. Sumber terhad dari segi rujukan pelaksanaan kokurikulum dan alat-alat permainan dan sebagainya.

3.0 KAJIAN LAMPAU TERHADAP ISU

Disebabkan aktiviti kokurikulum tidak dilaksanakan secara bersemuka, banyak kekurangan yang telah dikenalpasti dan murid-murid juga tidak menguasai kemahiran yang penting sepanjang kokurikulum secara dalam talian. Menurut Menurut Mohd Fazli, Suhaida dan Soaib (2013), pihak sekolah perlu mengadakan atau menjalankan aktiviti kokurikulum untuk mengembangkan potensi individu meliputi pelbagai aspek seperti pengalaman pelajar dalam bidang tertentu, pembentukan sahsiah dan disiplin, peningkatan tahap kesihatan dan kesejahteraan diri, peningkatan kemahiran dan komunikasi. Menurut Zulfadli Rozli (2014), peranan guru tidak hanya termaktub kepada pembelajaran dalam bilik darjah sahaja namun guru turut membawa peranan besar dalam bidang kokurikulum dalam bagi memastikan kemenjadian diri murid.

4.0 CADANGAN UNTUK MEMPERBAIKI

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan saya merangka beberapa cadangan dan langkah penambahbaikan:

- i. Saya perlu menimba ilmu mengenai cara untuk melaksanakan kokurikulum secara dalam talian dengan merujuk guru pembimbing, guru penolong kanan kokurikulum serta merujuk pelbagai sumber lain.
- ii. Saya juga perlu merancang dan menjalankan aktiviti kokurikulum yang bersesuaian dengan kemampuan murid.
- iii. Saya juga boleh memanfaatkan sumber permainan atau *game* di internet sebagai simulasi permainan untuk aktiviti sukan dan permainan kepada murid.

5.0 TEMPOH MASA

1 minggu

6.0 TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan kepada cadangan serta idea penyelesaian masalah yang dikemukakan, terdapat beberapa tindakan susulan yang saya ambil iaitu mempelajari daripada guru pembimbing untuk melaksanakan kokurikulum secara dalam talian. Pelbagai perkongsian pengetahuan dan cadangan pelaksanaan kokurikulum telah diberikan oleh guru kepada saya. Sekolah Kebangsaan Tehel menggunakan platform Telegram sebagai medium pelaksanaan kokurikulum. Saya telah menggunakan pelbagai aplikasi internet seperti *Quizziz*, *games* dan *Google-Form* supaya proses pengajaran menjadi lebih menarik. Saya juga mengumpulkan bahan-bahan pengajaran di dalam *Mylink.la* untuk memudahkan murid merujuk bahan-bahan.

7.0 KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN

Hasil tindakan susulan yang diambil saya dapati terdapat impak positif dalam pelaksanaan kokurikulum. Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan lebih menarik dan dapat memberikan pengalaman serta kemahiran baharu kepada murid.


8.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya melalui tindakan susulan yang telah dijalankan, isu yang timbul berjaya diselesaikan. Saya menimba pengalaman baharu dalam mengendalikan sesi kokurikulum secara atas talian. Saya juga sedar akan tanggungjawab saya sebagai seorang guru dan pendidik yang perlu bersedia dan beradaptasi untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam apa jua keadaan pendidikan masa kini sama ada secara fizikal mahupun dalam talian.

9.0 RUJUKAN

- Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abdul Kadir & Soaib Asimiran. (2013). Hubungan Persekitaran Sekolah dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah. *Jurnal PendidikanMalaysia*, 38(2): 1-9.
- Mohd Zulfadli Rozali. (2014). Keterlibatan Pelajar Secara Aktif Dalam Kokurikulum (Sukan) Terhadap Peningkatan Kemahiran Generik. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Tandatangan pelajar,



(SITI NUR AISYA NAJIHA BT MOHD
YUSOF)